

NO. SOALAN : 124

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT  
[MERBOK] - BN****SOALAN : 124**

**YB Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) yang telah siap. Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dasar projek tersebut supaya ianya dapat dimiliki oleh golongan sasaran

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, sebanyak 8,475 unit kediaman telah siap dibina. Kediaman PR1MA yang telah siap dibina mengikut negeri adalah seperti berikut;

- 1) Kedah = 3,096 unit
- 2) Putrajaya = 560 unit
- 3) Kuala Lumpur = 2,074 unit
- 4) Johor = 676 unit
- 5) Perak = 2,069 unit

Berkenaan kajian dasar projek pula, PR1MA sentiasa mengkaji dan mengemaskini polisinya dari semasa ke semasa. Ini adalah untuk memastikan PR1MA menepati keperluan golongan sasaran.

Dalam urusan ini, Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA menjadi panduan untuk mengetahui keperluan dan kekangan pemohon untuk memiliki rumah. Berpandukan sistem tersebut, PR1MA mengenal pasti polisi dan dasar yang bersesuaian untuk membantu pemohon menghadapi dilema pemilikan rumah seperti pelaksanaan Skim Pembiayaan Fleksibel (SPEF).

Skim ini disediakan khusus untuk pembeli kediaman PR1MA. SPEF memberi peluang kepada pembeli mendapat akses yang lebih baik dan jumlah pinjaman yang lebih tinggi nilainya. Ia merupakan hasil kerjasama antara Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan 4 institusi kewangan iaitu Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan AmBank.

Melalui SPEF, pembeli yang layak boleh membayar ansuran bulanan pinjaman rumah yang lebih rendah daripada pinjaman biasa. Insyallah dengan pelaksanaan

SPEF akan mengalakkan lagi jualan kediaman PR1MA dan meningkatkan pemilikan rumah di kalangan golongan sasaran.

Sekian, terima kasih.